

Anwar menuntut penjelasan SPR peti undi 'meragukan' dipindah ke Kajang
Malaysian Insider
April 25, 2013
Oleh Emily Ding

KUALA LUMPUR, 25 April — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu memberi penjelasan berhubung kenderaan badan pengendali pilihan raya berkenaan dilihat memindahkan peti undi meragukan ke Taman Perindustrian Sungai Chua di Kajang daripada ibu pejabatnya di Putrajaya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Ketua Pembangkang itu menunjukkan kepada pemberita gambar yang memaparkan dua peti undi dibalut menggunakan polister dan dicop dengan logo SPR sebagai bukti mereka memindahkannya menggunakan Pajero di Jalan SC 2.

"Saya mahu penjelasan SPR. Apa permainan mereka?" soalnya kepada pemberita di Ibu Pejabat PKR di sini.

Beliau menjelaskan PKR telah menjalankan analisis terhadap daftar pemilih dan mendaparu 28,593 pengundi berdaftar adalah warga Indonesia, Filipina, Pakistan dan Bangladesh, yang mana jelasnya adalah negara yang mempunyai rakyat yang ramai bekerja di Malaysia.

Jelasnya lagi majoriti pekerja asing ini akan mengundi di Sabah, Selangor, dan Kuala Lumpur.

"Sabah sahaja mempunyai 15,907 pengundi warga asing berdaftar, kebanyakannya warga Filipina dan Indonesia, dan Selangor mempunyai jumlah kedua tertinggi dengan 4,324 pekerja asing," katanya.

"Apa yang lebih teruk adalah 16,589 daripada mereka mempunyai kod negeri Sabah walaupun mereka daripada Indonesia dan Filipina," tambahnya.

Anwar turut berkata kawasan Parlimen di Sabah dengan jumlah tertinggi pengundi asing adalah Silam, Kibaran, Kelabakan, Putatan dan Tawau; serta di Semenanjung adalah di Gombak dan Ampang.

Tambahnya sejumlah 42 pengundi asing itu daripada Filipina, Indonesia dan Pakistan didaftarkan sebagai pengundi pos dalam angkatan tentera dan pasukan polis.

"Saya tidak pasti sama ada kita ada tentera Filipina dan Indonesia," katanya.

Anwar juga mendakwa BN merasuah pengundi dengan hadiah, voucher tunai, dan wang tunai dengan anggaran RM50 di Pulau Pinang kepada RM1,000 di Sabah, dan berkata bukti video akan dikeluarkannya dalam tempoh beberapa hari lagi.

"BN sangat risau mereka akan tewas dan terdesak merasuah pengundi," dakwanya.

Beliau turut merayu agar "pengundi sah" untuk keluar mengundi ketika pilihan raya 5 Mei depan.

"Jangan biarkan mereka yang menipu sistem pilihan raya kita merampas demokrasi kamu," katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-tuntut-penjelasan-spr-peti-undi-meragukan-dipindah-ke-kajang/>